



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH  
PENDIDIKAN KHAS**

# **Pengurusan Diri**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**Tingkatan 1**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH  
PENDIDIKAN KHAS

# Pengurusan Diri

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

# Tingkatan 1

Bahagian Pembangunan Kurikulum

MEI 2015

Terbitan 2015

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat .....	4
Objektif .....	4
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	5
Fokus .....	6
Kemahiran Abad 21 .....	7
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .....	9
Elemen Merentas Kurikulum .....	16

Pentaksiran Sekolah.....	19
Organisasi Kandungan .....	22
Mengurus Diri.....	23
Mengurus Bengkel.....	35
Advokasi Diri.....	39
Menyediakan dan Menyaji / Mengepek Makanan.....	43
Menjahit Artikel Mudah.....	47
Panel Penggubal.....	53



## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
    Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
    akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
    Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
        kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains  
    dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha  
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## **DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN**

### **3. Kurikulum Kebangsaan**

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97]



## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berdasarkan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard prestasi di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusnya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepadan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Dalam merealisasikan kurikulum peringkat menengah bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBK), disediakan KSSM (Pendidikan Khas) yang seiring dengan KSSM arus perdana. KSSM (Pendidikan Khas) ini berfokus kepada bidang kemahiran vokasional yang relevan dengan keperluan semasa mereka.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL**

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

## PENDAHULUAN

Penggubalan KSSM Pendidikan Khas mengambil kira pendidikan yang sesuai dan relevan bagi dua kumpulan MBK iaitu yang berkeupayaan mengikuti mata pelajaran kemahiran vokasional, dan berkefungsian rendah (MBK-KR) iaitu yang mempunyai kombinasi ketidakupayaan kognitif dan satu atau lebih ketidakupayaan yang melibatkan bahasa dan komunikasi, tingkah laku, pengurusan diri, motor kasar, motor halus dan sensori.

KSSM Pendidikan Khas menyediakan ruang dan peluang untuk MBK yang berkeupayaan mempelajari dan menguasai pengetahuan dan kemahiran vokasional, serta nilai ke arah menghasilkan modal insan yang berkemahiran bekerja dan mampu berdikari. Bagi MBK-KR, KSSM Pendidikan Khas turut menyediakan ruang dan peluang untuk kumpulan murid berkenaan belajar mengurus diri, menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran, serta mengamalkan nilai murni agar mereka boleh bersosialisasi dan berdikari dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

KSSM Pendidikan Khas terdiri daripada kumpulan mata pelajaran teras dan kemahiran. Kumpulan mata pelajaran teras secara umumnya bertujuan menyediakan dan mengukuhkan MBK

dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan bagi membolehkan MBK mengikuti pembelajaran mata pelajaran kemahiran

Kumpulan mata pelajaran kemahiran terdiri daripada mata pelajaran asas kemahiran dan kemahiran vokasional spesifik. Mata pelajaran asas kemahiran berhasrat menghasilkan MBK yang berpengetahuan dan berkemahiran teknikal, mengamalkan budaya kerja sistematik dan selamat, dan bersedia menguasai kemahiran vokasional spesifik di tahap yang lebih tinggi serta mengamalkan sikap keusahawan.

Penyediaan kurikulum mata pelajaran kemahiran vokasional spesifik adalah berpandukan *National Occupational Skills Standards (NOSS)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar MBK turut mendapat pengiktirafan dari agensi luar di samping pensijilan oleh KPM, dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran MBK.

Bagi MBK yang tidak berkeupayaan mengikuti kemahiran vokasional, kurikulum mata pelajaran teras dan kemahiran juga

disediakan. Kumpulan mata pelajaran teras adalah bertujuan untuk menyediakan MBK-KR dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus diri, bahan dan peralatan. Manakala mata pelajaran kemahiran memberi fokus kepada usaha mengembangkan bakat dan potensi murid supaya dapat mengamalkan kemahiran yang diperolehi dalam menjalani kehidupan seharian.

Bagi menyediakan MBK yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai-nilai murni, serta berdikari dalam menempuh alam kedewasaan dan kerjaya, maka proses peralihan atau transisi disediakan secara langsung semasa proses PdP. MBK disediakan dengan pelbagai kemahiran insaniah agar mereka mampu menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan.

Antara aspek transisi yang perlu diterapkan adalah:

**1. Kemahiran Kehidupan (*Life Coping Skill*)**

Aspek penting yang perlu ditekankan ialah memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan diri dan pengurusan masa. MBK juga perlu mampu untuk mengawal emosi dan tingkah laku yang bersesuaian mengikut situasi.

**2. Kemahiran Akademik**

Antara kemahiran akademik yang perlu MBK kuasai ialah kemahiran asas iaitu membaca, menulis, mengira serta kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

**3. Kemahiran Kerjaya (*Occupational and Vocational Skills*)**

Kemahiran dan pengetahuan khusus berkaitan pekerjaan merupakan aspek yang penting perlu dikuasai oleh MBK agar mereka boleh beradaptasi dengan baik di tempat kerja. MBK perlu diterapkan dengan ciri seperti menepati masa, menguasai kemahiran vokasional, menunjukkan kesungguhan terhadap kerja, memiliki etika kerja yang tinggi, mempraktikkan keselamatan, memiliki ciri keusahawanan, mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

**4. Kemahiran komunikasi dan bersosial**

Antara aspek utama yang perlu ditekankan ialah kemahiran mendengar, kemahiran bergaul dengan rakan sekerja, bekerja di dalam kumpulan, berdiplomasi serta penggunaan bahasa badan yang sesuai. Ini penting dalam melahirkan individu yang boleh bekerjasama, menghormati orang lain dan boleh beradaptasi dengan baik dalam persekitaran pekerjaan.

## 5. Advokasi diri

MBK perlu diterapkan dengan ciri-ciri advokasi diri bagi membentuk mereka menjadi individu yang berkeyakinan, berani, berdisiplin, serta berdikari. Perkara yang perlu dititikberatkan dalam advokasi diri ialah:

### 5.1 Kesedaran diri

MBK perlu memahami dan menerima keadaan diri. Dalam pada itu, mereka seharusnya menyedari secara khusus mengenai minat, kekuatan, kelemahan dan matlamat diri. Secara tidak langsung, ini dapat membentuk sifat kebertanggungjawaban dalam diri.

### 5.2 Pengetahuan mengenai hak

MBK perlu mengetahui hak mereka sebagai individu, hak sebagai pengguna serta hak sebagai pekerja. Mereka juga perlu diterapkan dengan kemahiran untuk mempertahankan hak diri. Aspek ini penting agar mereka menyedari tentang hak yang berkaitan apabila berada di alam pekerjaan.

### 5.3 Menyuarkan pendapat kepada orang lain

MBK perlu memiliki kemahiran untuk menyuarkan pendapat mereka dengan cara yang sesuai. Contohnya

penggunaan bahasa dan nada suara yang sesuai serta penggunaan bahasa badan yang betul.

**MATLAMAT**

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas Pengurusan Diri bermatlamat untuk menyediakan MBK dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus diri, mengurus bahan dan peralatan di rumah, sekolah dan tempat kerja dengan yakin dan kreatif, mampu bersosialisasi dan berdikari, menyedari hak mereka serta berani memberi pandangan dan boleh membuat keputusan bagi meningkatkan kualiti hidup.

**OBJEKTIF**


KSSM Pendidikan Khas Pengurusan Diri Tingkatan Satu bertujuan untuk membolehkan MBK mencapai objektif berikut;

1. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembentukan imej kendiri;
2. Membentuk identiti dan imej kendiri yang positif;
3. Menjaga keselamatan dan maruah diri;
4. Mengenal pasti potensi diri serta menyuarakan hak dan pendapat dengan yakin;
5. Mematuhi peraturan dan mengamalkan kebersihan serta keselamatan semasa bekerja di bengkel;
6. Mengenal pasti bahan dan alatan untuk menjaga kebersihan diri dan tempat kediaman;
7. Mengenal pasti bahan dan peralatan untuk aktiviti memasak dan menjahit;
8. Memilih, menggunakan dan menyenggara alatan dengan teknik yang betul;
9. Menyediakan hidangan seimbang untuk diri dan keluarga
10. Menghasilkan artikel mudah dengan jahitan tangan;
11. Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran Ekonomi Rumah Tangga dalam kehidupan harian; dan
12. Mengamalkan budaya kerja yang baik dalam aktiviti keusahawanan dan berkomunikasi dengan berkesan.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Matematik digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

## FOKUS

KSSM Pendidikan Khas Pengurusan Diri Tingkatan Satu memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam lima aspek iaitu mengurus diri, mengurus bengkel, advokasi diri, menyedia dan menyaji makanan/ mengepek makanan serta menjahit artikel mudah.

### 1. Mengurus Diri

Membolehkan murid mengurus diri dalam aspek fizikal dan personaliti, menjaga kebersihan bahagian sulit, mengurus diri semasa haid atau ihtilam, mengamalkan batas pergaulan dalam kehidupan seharian, menjaga keselamatan dan kehormatan diri, mengamalkan gaya hidup yang sihat dan postur badan yang betul, mengurus ruang kediaman mengikut kesesuaian serta boleh berkomunikasi dan bersosialisasi dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.

### 2. Mengurus Bengkel

Membina carta organisasi, amalan kebersihan dan mematuhi peraturan di bengkel, mengenal pasti punca dan kaedah mencegah kebakaran serta cara menggunakan kit

pertolongan cemas dan cara rawatan awal sekiranya berlaku kemalangan kecil di bengkel.

### 3. Advokasi Diri

Memanfaatkan kesedaran diri supaya murid dapat mengenal pasti minat, potensi dan matlamat diri serta menyuarakan hak dan pendapat mereka dengan yakin.

### 4. Menyedia dan Menyaji Makanan/ Mengepek Makanan

Mengurus peralatan dapur, menyedia, memasak dan menghidang makanan seimbang serta menjual hasil masakan murid sebagai projek keusahawanan.

### 5. Menjahit Artikel Mudah

Mengurus peralatan menjahit, membuat jahitan asas dan artikel mudah serta menjual hasil jahitan sebagai projek jualan dan keusahawanan.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Matematik menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad 21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Berdaya Tahan</b>	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
<b>Mahir Berkomunikasi</b>	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
<b>Pemikir</b>	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah

PROFIL MURID	PENERANGAN
	yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru
<b>Kerja Sepasukan</b>	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangsan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
<b>Bersifat Ingin Tahu</b>	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
<b>Berprinsip</b>	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat

<b>PROFIL MURID</b>	<b>PENERANGAN</b>
	tindakan serta keputusan mereka.
<b>Bermaklumat</b>	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
<b>Penyayang/ Prihatin</b>	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>Patriotik</b>	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

<b>TAHAP PEMIKIRAN</b>	<b>PENERANGAN</b>
<b>Mengaplikasi</b>	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
<b>Menganalisis</b>	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
<b>Menilai</b>	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
<b>Mencipta</b>	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

### KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernalih dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi PdP yang dirancang perlu memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan PdP berdasarkan aktiviti.

Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Perancangan, matlamat pendidikan dan strategi PdP ini perlu didokumenkan dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berdasarkan inkuiiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

### Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri

Pembelajaran berasaskan inkuiiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

Dalam strategi PdP inkuiiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil penerokaan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu

murid ke arah inkuri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

### **Konstruktivisme**

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- (i) Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- (ii) Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- (iii) Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- (iv) Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

### **Pembelajaran Kontekstual**

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

### **Pembelajaran Masteri**

Pendekatan Masteri memastikan semua murid menguasai standard pembelajaran yang ditetapkan sebelum berpindah ke standard pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut kadarnya. Aktiviti pemulihan dan pengayaan perlu dilaksanakan bagi murid yang belum menguasai asas masteri, sementara aktiviti pengayaan dilaksanakan oleh murid yang telah mencapai aras masteri.

### **Analisis Tugasan**

Pendekatan Analisis Tugasan melibatkan proses pembahagian kemahiran kepada beberapa komponen atau langkah mudah untuk dikuasai dan dipelajari oleh seseorang murid. Strategi ini membantu guru menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid. Pendekatan Analisis Tugasan dilaksana melalui langkah seperti berikut:

- (i) Memastikan kemahiran yang sesuai diajar pada murid mengikut tahap keupayaan.
- (ii) Menghuraikan secara ringkas kemahiran dipilih.

- (iii) Kemahiran yang dipilih dipecahkan kepada langkah-langkah kecil.
- (iv) Buat penyesuaian langkah pembelajaran mengikut keupayaan dan kebolehan murid.
- (v) Guru membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kemahiran yang dikuasai murid.
- (vi) Membuat penambahan dan perubahan di mana perlu sehingga murid dapat menguasai kemahiran yang hendak diajar.

### **Pembelajaran Berasaskan Projek**

Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan proses PdP yang berasaskan inkuiiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

### **Belajar Melalui Bermain**

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri-ciri Belajar Melalui Bermain (BMB) adalah seperti berikut:

- (i) Aktiviti yang menyeronokkan.
- (ii) Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
- (iii) Permainan bebas dan terancang.
- (iv) Keanjalan masa.
- (v) Percubaan idea sendiri.
- (vi) Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

### **Pendekatan Bertema**

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid.

Pendekatan PB melibatkan:

- (i) Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- (ii) Pemilihan tajuk tema berdasarkan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- (iii) Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
- (iv) Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- (v) Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

Kesesuaian dengan kehidupan murid.

- (i) Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- (ii) Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
- (iii) Sumber yang mudah didapati.
- (iv) Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

### **Pembelajaran Pengalamian**

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian adalah berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu murid khususnya MBK. Pendekatan ini meningkatkan keupayaan kendiri individu di mana murid diberi peluang menilai keupayaan diri sendiri.

Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- (i) Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- (ii) Menjelaskan peranan murid dalam tugasan.
- (iii) Memastikan sumber untuk proses pembelajaran ada dan mudah diperoleh.
- (iv) Menyusun sumber untuk proses pembelajaran.
- (v) Seimbangkan komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
- (vi) Berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka.

Proses pembelajaran bagi Pendekatan Pengalamian ialah:

- (i) Guru menentukan matlamat dan objektif untuk individu dan/atau kumpulan.
- (ii) Guru merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan murid.

- (iii) Guru perlu menjelaskan tentang tugas atau aktiviti yang akan dijalankan dengan murid dan berbincang mengenai apa yang diharapkan daripada murid.
- (iv) Murid perlu ditempatkan dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
- (v) Pembelajaran berlaku melalui pengalaman pembelajaran dan guru memberi maklumat tentang apa yang dilakukan atau dipelajari.
- (vi) Guru memberikan bantuan, latihan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baru dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

### Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

- (i) Memperoleh pengalaman sebenar.
- (ii) Meningkatkan kecerdasan dan perkembangan fizikal.
- (iii) Bersosialisasi dan berkomunikasi.
- (iv) Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan.
- (v) Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
- (vi) Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

### Rancangan Pendidikan Individu

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan dokumen yang disediakan oleh guru bagi menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang berdasarkan keperluan MBK. Guru boleh mengenal pasti tahap kebolehan dan perkembangan murid melalui ujian diagnostik secara lisan, penulisan dan pemerhatian. RPI dibentuk berdasarkan keperluan MBK dan perlu dipersetujui dan ditandatangani oleh ibubapa/ penjaga.

Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013;

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) ertinya suatu rekod yang mengandungi butiran sebagai mana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar yang menyatakan tentang rancangan pendidikan bagi setiap MBK.

Punca kuasa RPI pula adalah daripada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2004;

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kurikulum ini, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) setiap murid hendaklah disediakan.

Kumpulan multidisiplinari seperti pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK), audiologis, psikologi, juru pulih dan terapi cara kerja diperlukan dalam membuat cadangan serta perancangan pendidikan untuk membantu dalam pelaksanaan RPI. Kolaboratif antara pihak sekolah, ibubapa, dan MBK sendiri, pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain dapat memperkuuhkan lagi matlamat RPI.

### **Kolaboratif Antara Pelbagai Pihak**

Kolaboratif adalah usahasama di antara beberapa pihak, kumpulan, organisasi atau disiplin untuk melaksanakan sesuatu program. Sumbangan dan peranan yang diberikan adalah berbeza antara satu sama lain.

Aspek latihan yang disediakan untuk murid merupakan satu perkara penting sama ada dijalankan secara dalaman atau luaran. Latihan yang dijalankan adalah sepanjang masa persekolahan mengikut jadual yang ditetapkan dan keperluan setiap individu.

#### **1. Latihan Kemahiran Kerja**

Latihan Kemahiran Kerja perlu didedahkan kepada MBK bermatlamat menyediakan latihan bagi meningkatkan dan menguasai kemahiran kendiri, komunikasi, sosialisasi serta kemahiran asas berkaitan alam pekerjaan.

Terdapat tiga bentuk Latihan Kemahiran Kerja iaitu:

(i) Latihan dalaman.

Melaksanakan aktiviti berbentuk projek yang telah dirancang seperti perkebunan, aktiviti perdagangan hasil tanaman atau hasil kerja murid, dan memelihara haiwan ternakan dan lain-lain.

(ii) Latihan kerja yang melibatkan pihak luar atau kerja luar.

Mendapatkan barang dari luar (kilang) untuk pembungkusan dalam waktu persekolahan. Membuat barang yang tertentu, contohnya hasil

kraftangan seperti batik, bunga telur dan lain-lain untuk dijual.

(iii) Latihan kerja sebenar.

Mewujudkan situasi sebenar untuk sesuatu latihan kerja seperti mencuci kereta, mendobi, dan lain-lain yang dibuat di sekolah. Murid dihantar bekerja di tempat sebenar dan pemantauan dibuat oleh pegawai kerja.

## 2. Bengkel Terlindung

Fungsi bengkel terlindung adalah untuk memberi pengalaman, latihan, penilaian dan pekerjaan kepada individu MBK. Terdapat bengkel terlindung yang beroperasi sendiri (di bawah pengurusan sekolah) atau bekerjasama dengan agensi yang memberi perkhidmatan berkaitan dengan kerjaya. Bengkel terlindung tidak mementingkan hasil pengeluaran tetapi lebih mengutamakan pengalaman bekerja individu, menanam minat, memenuhi keperluan sosial dan memberi kemahiran interpersonal.

Antara perkhidmatan yang diberikan di bengkel terlindung adalah seperti berikut:

- (i) Penilaian kemahiran vokasional.
- (ii) Latihan bekerja secara umum atau khusus.
- (iii) Memberi peluang latihan kepada individu yang berkeperluan khas.
- (iv) Peluang berekreasi.
- (v) Perkhidmatan untuk mendapat pekerjaan pada masa hadapan.
- (vi) Bekerja dalam jangka masa panjang sebelum mendapat pekerjaan lain.

## 3. Pelbagai Kaedah Terapi

(i) Terapi Pertuturan

Terapi pertuturan membantu MBK yang mengalami kesukaran dalam menyebut perkataan dan berkomunikasi, menghasilkan bunyi-bunyi bahasa serta memberikan latihan tertentu bagi MBK yang mengalami masalah artikulasi untuk bertutur.

(ii) Terapi Fizikal (Fisioterapi)

Terapi fizikal memberi pengaruh yang besar terhadap kehidupan MBK. Terapi jenis ini khusus untuk MBK yang mempunyai masalah kawalan motor. Terapi fizikal yang dilaksanakan dapat meningkatkan lagi perkembangan kecerdasan fizikal mengikut keutamaan.

(iii) Terapi Carakerja

Terapi carakerja merupakan aktiviti yang menjurus kearah membantu MBK bermasalah fizikal dan intelek bagi mengatasi ketidakupayaan semaksima yang mungkin.

(iv) Terapi Muzik

Terapi muzik bertujuan untuk mententeramkan MBK supaya bersedia untuk belajar. Guru menggunakan muzik untuk merangsang minda dan menarik perhatian MBK. Terapi muzik digunakan untuk mengawal emosi dan dijalankan oleh seorang terapis.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- (i) Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- (ii) Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- (i) Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui p&p semua mata pelajaran.

(ii) Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- (i) Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- (ii) Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains Dan Teknologi

- (i) Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- (ii) Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- (iii) Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam p&p merangkumi empat perkara iaitu:
  - o Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);

- o Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- o Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- o Penggunaan teknologi dalam aktiviti p&p.

### 5. Patriotisme

- (i) Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- (ii) Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

### 6. Kreativiti Dan Inovasi

- (i) Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- (ii) Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- (iii) Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad 21.

- (iv) Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p.

## 7. Keusahawanan

- (i) Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- (ii) Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

## 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- (i) Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- (ii) Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- (iii) TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi

meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

## 9. Kelestarian Global

- (i) Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- (ii) Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- (iii) Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

## 10. Pendidikan Kewangan

- (i) Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

(ii) Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompoun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

## PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Pelbagai bentuk.
- (ii) Adil kepada semua murid.
- (iii) Mengambilkira pelbagai aras kognitif
- (iv) Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- (v) Mengambilkira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka fahami.

Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan antara satu komponen utama dalam PdP kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanannya pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam PdP. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanannya guru dan pihak sekolah dalam usaha membentuk insan yang harmonis dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas di pihak guru dan sekolah untuk memperkembangkan potensi MBK ke tahap tertinggi mengikut keupayaan masing-masing. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;
- (ii) Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP;
- (iii) Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan

- (iv) Merujuk Standard Prestasi yang dibina berdasarkan Standard Kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

- (i) Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP.
- (ii) Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

#### **Pentaksiran Standard Prestasi**

**Standard Prestasi Pengurusan Diri** diguna untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Perkembangan murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penggunaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional dengan rakan sejawat. Pentaksiran yang dilaksanakan seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 3 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran KSSM Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan.

Jadual 3: Tafsiran Tahap Penguasaan bagi mata pelajaran Pengurusan Diri

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri
2	Memahami pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri serta dapat menjelaskan kefahaman tersebut dengan apa-apa cara.
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk melaksanakan tugas pada suatu situasi.
4	Menganalisis pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk diaplikasikan dalam melaksanakan tugas pada suatu situasi dengan cara yang bersistematik.
5	Menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk diaplikasikan dalam melaksanakan satu tugas atau situasi baru secara tekal, bersistematik dan bersikap positif.
6	Menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran Pengurusan Diri untuk diaplikasikan dalam merekahta, menilai atau mengkonsepsikan sesuatu yang baharu dengan kreatif dan inovatif dalam melaksanakan sesuatu tugas.

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Pendidikan Khas Pengurusan Diri Tingkatan Satu diorganisasikan mengikut lima tajuk iaitu:

1. Mengurus diri
2. Mengurus bengkel
3. Advokasi diri
4. Menyedia dan menyaji/ mengepek makanan
5. Menjahit artikel mudah

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 4 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 4: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.</p>

**1.0 MENGURUS DIRI**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Pengurus diri dalam aspek fizikal dan personaliti diri.	<p>Murid berupaya :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1.1 Menjaga kebersihan anggota badan dan dandanan diri.</li> <li>1.1.2 Menjaga kebersihan pakaian.</li> <li>1.1.3 Mempamerkan penampilan diri yang kemas .</li> <li>1.1.4 Mempraktikkan tatacara berpakaian dan tatasusila di tempat awam.</li> <li>1.1.5 Mempraktikkan tatacara berpakaian dan tatasusila di dalam majlis.</li> </ul>	1	Menyatakan bahan dan alatan penjagaan kebersihan anggota badan dan dandanan diri.
		2	Menyatakan fungsi bahan dan alatan penjagaan kebersihan anggota badan dan dandanan diri.
		3	Menunjuk cara menjaga kebersihan anggota badan, pakaian dan penampilan diri yang kemas .
		4	Mempraktikkan kebersihan anggota badan, pakaian dan penampilan diri yang kemas serta bertatussila mengikut situasi.
		5	Mengamal kebersihan anggota badan, pakaian dan penampilan diri yang kemas serta bertatussila mengikut situasi..
		6	Mengamalkan kebersihan anggota badan, pakaian dan penampilan diri yang kemas serta membimbang rakan sebaya dalam mempraktikkan cara bertatussila di dalam majlis.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.2 Perubahan fizikal serta penjagaan kebersihan bahagian sulit.	Murid berupaya :	1	Menamakan bahagian sulit pada bahagian tubuh lelaki dan perempuan.
	1.2.1 Mengenal bahagian sulit dan pada tubuh.	2	Mengenal pasti bahagian sulit lelaki dan perempuan serta mengenal tanda-tanda baligh.
	1.2.2 Mengenal tanda-tanda baligh dan perubahan fizikal lelaki dan perempuan.	3	Mempraktikkan penjagaan kebersihan bahagian sulit lelaki dan perempuan.
	1.2.3 Membanding beza tanda-tanda baligh dan perubahan fizikal lelaki dan perempuan.	4	Membezakan perubahan kematangan lelaki dan perempuan serta mempraktikkan penjagaan kebersihan bahagian sulit.
	1.2.4 Menjaga kebersihan bahagian sulit lelaki dan perempuan.	5	Bercerita tentang tanda-tanda baligh dan perubahan fizikal lelaki dan perempuan.
		6	Membimbing rakan mengenai penjagaan kebersihan bahagian sulit serta berkongsi maklumat tentang perubahan fizikal lelaki dan perempuan.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.3 Pengurusan diri sebelum dan semasa kedatangan haid.	Murid berupaya : 1.3.1 Mengenal simptom –simptom awal kedatangan haid.  1.3.2 Mengenal pasti jangkaan tarikh, tempoh dan cara merekod kedatangan haid.  1.3.3 Menjaga kebersihan semasa haid.	1	Menyatakan simptom –simptom awal kedatangan haid.
		2	Mengenal pasti jangkaan tarikh dan tempoh kedatangan haid.
		3	Merekod tarikh dan tempoh kedatangan haid.
		4	Menjaga kebersihan dan penampilan diri semasa haid.
		5	Mengamalkan dan mempraktikkan kebersihan dan penampilan diri semasa haid.
		6	Mengamalkan dan mempraktikkan kebersihan dan penampilan diri serta membimbing rakan sebaya semasa haid.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.4 Penggunaan dan pengurusan tuala wanita.	Murid berupaya :	1	Mengetahui jenis dan fungsi tuala wanita.
	1.4.1 Mengenal jenis dan fungsi tuala wanita.	2	Menjalankan simulasi cara menggunakan tuala wanita dengan betul.
	1.4.2 Mengetahui cara menggunakan tuala wanita dengan betul.	3	Menunjuk cara menggunakan tuala wanita dengan betul.
	1.4.3 Menunjuk cara membersihkan dan melupuskan tuala wanita.	4	Menunjukkan cara membersihkan dan melupuskan tuala wanita.
	1.4.4 Mengetahui cara membersihkan dan melupuskan tuala wanita.	5	Mempraktikkan cara mengguna, membersih dan melupuskan tuala wanita.
	1.4.5 Menunjuk cara membersihkan dan melupuskan tuala wanita.	6	Mengamalkan cara mengguna, membersih dan melupuskan tuala wanita dengan betul.
			Mengamal dan membimbing rakan cara mengguna, membersih dan melupuskan tuala wanita dengan betul dan selamat.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.5 Pengurusan diri semasa ihtilam ( <i>wet dream</i> ).	Murid berupaya : 1.5.1 Mengetahui bila berlaku ihtilam. 1.5.2 Menjelaskan cara mengurus diri selepas mengalami ihtilam. 1.5.3 Mengurus diri selepas mengalami ihtilam.	1	Menyatakan maksud ihtilam.
		2	Menceritakan tentang bila berlaku ihtilam.
		3	Menghuraikan cara mengurus diri selepas mengalami ihtilam.
		4	Mempraktikkan cara mengurus diri selepas ihtilam.
		5	Mengamalkan cara mengurus diri yang betul selepas ihtilam.
		6	Menyampaikan maklumat kepada rakan tentang cara mengurus diri yang betul selepas ihtilam.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.6 Mengamalkan batasan pergaulan dalam kehidupan seharian.	Murid berupaya : 1.6.1 Membezakan batasan pergaulan antara ahli keluarga . 1.6.2 Membezakan batasan pergaulan antara rakan lelaki dan perempuan. 1.6.3 Membezakan batasan pergaulan dalam masyarakat. 1.6.4 Mempraktikkan cara pergaulan yang betul dalam kehidupan seharian.	1	Menyatakan batas-batas pergaulan antara ahli keluarga, rakan dan masyarakat.
		2	Menjelaskan batas-batas pergaulan antara rakan lelaki dan perempuan.
		3	Menunjuk cara bergaul dalam masyarakat.
		4	Mempraktikkan cara pergaulan yang betul dalam kehidupan seharian.
		5	Mengamal dan memberi maklumat cara pergaulan yang betul dalam kehidupan seharian.
		6	Mengamal dan membimbing rakan tentang cara pergaulan yang betul dalam kehidupan seharian.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.7 Batasan sentuhan dalam menjaga keselamatan dan kehormatan diri.	Murid berupaya :  1.7.1 Menyatakan batas sentuhan selamat dan tidak selamat pada bahagian tubuh.  1.7.2 Mengenal pasti sentuhan selamat dan tidak selamat pada bahagian tubuh.  1.7.3 Mengenal pasti tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku sentuhan tidak selamat pada bahagian tubuh dengan menjerit, melarikan diri, memberitahu kepada orang yang boleh dipercayai seperti ibu bapa dan guru.	1	Menyebut bahagian-bahagian tubuh yang boleh disentuh.
		2	Membezakan sentuhan selamat dan tidak selamat pada bahagian tubuh.
		3	Menghubungkait sentuhan selamat dan tidak selamat pada bahagian tubuh mengikut situasi.
		4	Menceritakan tindakan yang perlu diambil jika berlaku sentuhan tidak selamat pada bahagian tubuh.
		5	Mewajarkan batas sentuhan untuk menjaga keselamatan dan kehormatan diri.
		6	Mencadangkan cara menangani pelbagai situasi negatif kepada rakan untuk menjaga keselamatan dan kehormatan diri.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.8 Amalan gaya hidup sihat.	<p>Murid berupaya :</p> <p>1.8.1 Mengamalkan pemakanan yang sihat.</p> <p>1.8.2 Mengamalkan aktiviti riadah yang selamat.</p> <p>1.8.3 Menggunakan bahan atau ubat-ubatan mengikut preskripsi.</p> <p>1.8.4 Mengenal pasti jenis-jenis gejala sosial.</p> <p>1.8.5 Mengenal pasti cara menangani gejala sosial.</p>	1	Menyenaraikan jenis makanan yang berkhasiat dan seimbang serta aktiviti riadah yang selamat
		2	Memerihal penggunaan bahan dan ubat-ubatan mengikut preskripsi.
		3	Menjelaskan jenis gejala sosial dan cara menanganinya.
		4	Mempraktikkan gaya hidup yang sihat dan selamat.
		5	Mengamalkan gaya hidup sihat serta membimbing rakan sebaya tentang gaya hidup yang sihat dan selamat.
		6	Berkomunikasi dan memberi maklum balas tentang kesan tidak mengamalkan gaya hidup sihat.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.9 Mengamalkan postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan dan duduk.	Murid berupaya : 1.9.1 Menyatakan amalan postur badan yang betul dan kepentingannya. 1.9.2 Menunjuk cara postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan dan duduk. 1.9.3 Mengamalkan postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan dan duduk.	1	Menyatakan amalan postur badan yang betul.
		2	Memerihal tentang amalan postur badan yang betul dan kepentingannya.
		3	Menunjuk cara amalan postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan atau duduk.
		4	Mempraktikkan amalan postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan dan duduk.
		5	Mengamalkan postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan dan duduk.
		6	Menunjuk cara amalan postur badan yang betul semasa berdiri, berjalan dan duduk dan menjadi kepada rakan sebaya.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.10 Komunikasi berkesan	Murid berupaya :  1.10.1 Menyatakan cara berinteraksi yang sesuai dengan warga sekolah , keluarga dan komuniti setempat.  1.10.2 Menyatakan cara bersosialisasi yang sesuai dengan warga sekolah, keluarga dan komuniti setempat.  1.10.3 Mengamalkan cara berkomunikasi yang berkesan mengikut situasi.	1	Menyatakan cara berinteraksi dan bersosialisasi yang sesuai.
		2	Memerihalkan cara berinteraksi dan bersosialisasi yang sesuai mengikut situasi.
		3	Menunjuk cara berinteraksi dan bersosialisasi dengan warga sekolah, keluarga dan komuniti setempat.
		4	Mengaplikasikan cara berinteraksi dan bersosialisasi dengan warga sekolah, keluarga dan komuniti setempat.
		5	Mengamalkan cara berinteraksi dan bersosialisasi dengan warga sekolah, keluarga dan komuniti setempat.
		6	Mengamalkan cara berinteraksi dan bersosialisasi dengan warga sekolah, keluarga dan komuniti setempat serta menjadi contoh kepada rakan sebaya.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
1.11 Pengurusan ruang tempat kediaman	Murid berupaya :	1	Menamakan jenis ruang tempat kediaman mengikut fungsinya.
	1.11.1 Menamakan jenis ruang tempat kediaman mengikut fungsi.	2	Menyatakan jenis bahan dan alatan untuk membersih ruang tempat kediaman.
	1.11.2 Menyenaraikan jenis bahan dan alatan untuk membersih ruang tempat kediaman.	3	Membersihkan ruang tempat kediaman menggunakan bahan dan alatan yang sesuai.
	1.11.3 Memilih dan menggunakan bahan dan alatan untuk membersih ruang mengikut kesesuaian.	4	Mempraktikkan penjagaan kebersihan ruang tempat kediaman menggunakan bahan dan alatan yang sesuai serta membersih dan menyimpan alatan kebersihan mengikut prosedur.
	1.11.4 Membersih dan menyimpan alatan kebersihan ruang tempat kediaman mengikut kesesuaian.	5	Mengamalkan penjagaan kebersihan ruang tempat kediaman menggunakan bahan dan alatan yang sesuai serta membersih dan menyimpan alatan kebersihan ruang tempat kediaman mengikut kesesuaian.
	1.11.5 Mengamalkan penjagaan ruang tempat kediaman.	6	Mengamalkan penjagaan kebersihan tempat kediaman menggunakan bahan dan alatan yang sesuai serta membersih dan menyimpan alatan kebersihan mengikut prosedur dengan selamat.



**2.0 MENGURUS BENGKEL**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Carta organisasi.	Murid berupaya :	1	Menyatakan kegunaan carta organisasi dan jadual tugas di bengkel.
	2.1.1 Mengenal carta organisasi di bengkel.	2	Menerangkan kegunaan carta organisasi, jadual tugas dan peraturan di bengkel.
	2.1.2 Mengenal pasti kegunaan carta organisasi di bengkel.	3	Merangka carta organisasi dan jadual tugas bengkel.
2.2 Kebersihan bengkel.	2.1.3 Menyediakan carta organisasi bengkel dengan lengkap.	4	Menyediakan carta organisasi dan melaksanakan tugas mengikut jadual yang disediakan serta mematuhi peraturan di bengkel.
	2.2.1 Menyediakan jadual tugas berkumpulan mengikut giliran.	5	Melaksanakan tugas mengikut jadual yang disediakan serta mematuhi peraturan di bengkel secara berterusan.
2.3 Peraturan di bengkel.	2.2.2 Melaksanakan tugas membersih bengkel mengikut jadual yang disediakan.	6	Membimbing rakan sebaya melaksanakan tugas mengikut jadual dan mematuhi peraturan di bengkel.
	2.3.1 Menyenaraikan peraturan di bengkel.		
	2.3.2 Mematuhi peraturan di bengkel.		

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
2.4 Punca dan kaedah mencegah kebakaran.	Murid berupaya : 2.4.1 Mengetahui punca kebakaran. 2.4.2 Mengenal jenis alat pemadam api. 2.4.3 Mengenal pasti jenis alat pemadam api yang bersesuaian dengan punca kebakaran. 2.4.4 Mengenal pasti kaedah mencegah kebakaran.	1	Menyebut jenis alat pemadam api.
		2	Menyebut punca kebakaran.
		3	Menyebut punca kebakaran dan jenis alat pemadam api yang bersesuaian.
		4	Menyatakan kaedah mencegah kebakaran.
		5	Membincangkan punca kebakaran dan jenis alat pemadam api serta kaedah mencegah kebakaran.
		6	Membuat simulasi cara memadam api menggunakan alat pemadam api.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
2.5 Penggunaan kit pertolongan cemas.	Murid berupaya :	1	Menyatakan sekurang-kurangnya lima bahan dan alatan dalam kit pertolongan cemas beserta fungsinya.
		2	Menyatakan bahan dan alatan yang telah tamat tempoh atau rosak.
		3	Menyenaraikan empat punca kecederaan ringan dan kemalangan di bengkel.
	2.6 Rawatan awal bagi kecederaan ringan dan kemalangan di bengkel.	4	Menunjuk cara penggunaan bahan dan alatan dalam kit pertolongan cemas.
		5	Menunjuk cara bantuan kecemasan dan rawatan awal semasa berlaku kemalangan.
		6	Membimbing rakan sebaya dalam simulasi bantuan kecemasan dan rawatan awal semasa berlaku kemalangan.



**3.0 ADVOKASI DIRI**

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
3.1 Memanfaatkan kesedaran diri.	<p>Murid berupaya :</p> <p>3.1.1 Mengenal pasti minat, potensi dan matlamat diri.</p> <p>3.1.2 Mengembangkan minat dan potensi diri melalui penglibatan dalam aktiviti.</p> <p>3.1.3 Menentukan hala tuju dan kerjaya yang hendak dicapai mengikut minat dan potensi diri.</p> <p>3.1.4 Mempamerkan minat dan potensi diri dalam keluarga dan organisasi.</p>	1	Menyatakan minat ,potensi dan matlamat diri.
		2	Bercerita tentang potensi diri kepada orang lain.
		3	Membina matlamat diri bersesuaian dengan potensi diri.
		4	Menentukan kerjaya masa depan berdasarkan potensi diri.
		5	Merancang hala tuju berdasarkan potensi diri.
		6	Membimbing rakan untuk membuat pemilihan kerjaya berdasarkan potensi diri.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
3.2 Menyuarkan hak.	<p>Murid berupaya :</p> <p>3.2.1 Menyatakan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.</p> <p>3.2.2 Memahami hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.</p> <p>3.2.3 Menyuarkan dan mempertahankan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.</p> <p>3.2.4 Mengenal pasti agensi yang membantu dalam memperjuangkan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.</p>	1	Menyenaraikan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.
		2	Menunjukkan pemahaman terhadap hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.
		3	Menunjuk cara dalam menyuarkan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.
		4	Menjana idea dalam memperjuangkan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja
		5	Menggunakan saluran yang betul untuk menyuarkan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.
		6	Membimbing rakan sebaya dalam menyuarkan dan mempertahankan hak sebagai individu, hak sebagai pengguna dan hak sebagai pekerja.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
3.3. Menyuarkan pendapat dengan yakin.	Murid berupaya :  3.3.1 Menyatakan kepentingan menyuarkan pendapat.  3.3.2 Mengenal pasti halangan dalam menyuarkan pendapat.  3.3.3 Memilih cara yang sesuai untuk menangani halangan dalam menyuarkan pendapat.  3.3.4 Melakonkan cara untuk menyuarkan pendapat.	1	Mengenal pasti kepentingan menyuarkan pendapat.
		2	Memberi contoh halangan dalam menyuarkan pendapat.
		3	Menunjuk cara untuk menyuarkan pendapat.
		4	Menggunakan saluran yang betul dalam menyuarkan pendapat.
		5	Mempraktikkan cara yang betul dalam menyuarkan pendapat.
		6	Membimbing rakan dalam menyuarkan pendapat.



**4.0 MENYEDIA DAN MENYAJI/ MENGEPEK MAKANAN**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Peralatan dapur	Murid berupaya :	1	Menyenaraikan peralatan memasak, menghidang dan berteknologi di dapur
	4.1 Menyatakan peralatan memasak.	2	Mengenal pasti fungsi alatan memasak menghidang dan berteknologi di dapur dengan betul.
	4.2 Menyatakan peralatan menghidang.	3	Mempraktikkan cara memilih, menggunakan, membersih dan menyimpan peralatan memasak,menghidang dan berteknologi di dapur dengan betul
	4.3 Menyatakan peralatan berteknologi di dapur.	4	Menjelaskan dengan contoh cara memilih, menggunakan, membersih dan menyimpan peralatan memasak,menghidang dan berteknologi di dapur.
	4.4 Memilih, menggunakan, membersih dan menyimpan peralatan memasak	5	Memilih, menggunakan, membersih dan menyimpan peralatan memasak,menghidang dan berteknologi di dapur dengan selamat dan berhemah
	4.5 Memilih, menggunakan, membersih dan menyimpan peralatan menghidang.	6	Menjadi contoh kepada rakan-rakan cara memilih, menggunakan, membersih dan menyimpan peralatan memasak,menghidang dan berteknologi di dapur.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
4.2 Hidangan seimbang	<p>Murid berupaya :</p> <p>4.2.1 Menyatakan jenis hidangan seimbang untuk sajian sarapan, minum pagi atau minum petang.</p> <p>4.2.2 Menyediakan bahan dan alatan memasak.</p> <p>4.2.3 Memasak hidangan mengikut resepi untuk sajian sarapan, minum pagi atau minum petang.</p>	1	Menyenaraikan jenis hidangan seimbang
		2	Mengenal pasti jenis hidangan seimbang mengikut waktu sajian yang betul.
		3	Menunjuk cara menyediakan bahan dan alatan memasak.
		4	Menunjuk cara memasak hidangan seimbang mengikut waktu sajian yang betul.
		5	Mempraktikkan kaedah yang selamat dan berhemah semasa menyediakan bahan, alatan dan memasak hidangan seimbang.
		6	Mempraktikkan kaedah yang selamat dan berhemah semasa menyediakan bahan, alatan dan memasak hidangan seimbang serta dapat membantu dan menjadi contoh kepada rakan-rakan

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
4.3 Hasil masakan	<p>Murid berupaya :</p> <p>4.3.1 Menghias makanan mengikut kesesuaian.</p> <p>4.3.2 Menghidang makanan mengikut kesesuaian.</p> <p>4.3.3 Menilai hasil masakan sendiri.</p>	1	Memberi contoh menghias dan menghidang makanan yang ringkas
		2	Membezakan cara menghias dan menghidang makanan
		3	Menunjuk cara menghias dan menghidang makanan mengikut kesesuaian jenis masakan
		4	Membuat kesimpulan tentang cara menghias dan menghidang serta menilai hasil masakan sendiri
		5	Menambahbaik cara menghias dan menghidang serta menilai hasil masakan sendiri.
		6	Menambahbaik cara menghias, menghidang dan menilai hasil masakan sendiri serta menjadi contoh kepada rakan-rakan yang lain.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
4.4 Projek jualan masakan	<p>Murid berupaya :</p> <p>4.4.1 Mengenal pasti kaedah mengepek mengikut jenis masakan.</p> <p>4.4.2 Membuat pengiraan kos bahan jualan.</p> <p>4.4.3 Menyukat atau menimbang bahan jualan makanan.</p> <p>4.4.4 Memasarkan bahan jualan.</p>	1	Menyenaraikan kaedah-kaedah mengepek.
		2	Membezakan kaedah mengepek mengikut jenis makanan.
		3	Mempraktikkan kaedah mengepek dan mengira kos bahan jualan mengikut kesesuaian jenis makanan.
		4	Menggunakan kaedah mengepek dan mengira kos bahan serta menyukat, menimbang dan memasarkan bahan jualan dengan betul.
		5	Menambahbaik kaedah mengepek dan mengira kos bahan serta menyukat, menimbang dan memasarkan bahan jualan
		6	Membantu rakan-rakan menambahbaik kaedah mengepek dan mengira kos bahan serta menyukat, menimbang dan memasarkan bahan jualan

## 5.0 MENJAHIT ARTIKEL MUDAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.1 Peralatan menjahit	<p>Murid berupaya :</p> <p>5.1 Menamakan bahan dan alatan menjahit seperti jarum, benang, pembaris, pita ukur, gunting, peretas dan fabrik.</p> <p>5.2 Mengenal pasti fungsi bahan dan alatan menjahit.</p> <p>5.3 Mengenal pasti tempat penyimpanan bahan dan alatan menjahit.</p> <p>5.4 Menunjuk cara penyimpanan bahan dan alatan menjahit.</p>	1	Menyenaraikan bahan dan alatan menjahit.
		2	Menyatakan fungsi bahan dan alatan menjahit.
		3	Menyatakan fungsi dan menentukan tempat penyimpanan bahan dan alatan menjahit
		4	Mempraktikkan cara penyimpanan bahan dan alatan menjahit
		5	Menyusun mengikut keutamaan cara penyimpanan bahan dan alatan menjahit dengan betul dan selamat
		6	Berkomunikasi dengan rakan –rakan tentang cara penyimpanan bahan dan alatan menjahit dengan betul dan selamat

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
5.2 Jahitan asas	<p>Murid berupaya :</p> <p>5.2.1 Mengenal pasti mata jahitan asas seperti jahitan kia, jelujur kasar, jelujur halus, lilit ubi, insang pari atau silang pangkah.</p> <p>5.2.2 Menyatakan fungsi mata jahitan asas.</p> <p>5.2.3 Menjahit contoh jahitan asas.</p>	1	Menyenaraikan jenis- jenis mata jahitan asas.
		2	Mengenal pasti jenis dan fungsi mata jahitan asas
		3	Menunjuk cara menjahit mata jahitan asas
		4	Mempraktikkan cara membuat jahitan asas.
		5	Mempraktikkan cara membuat jahitan asas pada bahan yang berbeza.
		6	Mempraktikkan cara membuat jahitan asas pada bahan yang berbeza dengan selamat dan kemas.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
5.3 Artikel mudah	Murid berupaya :	1	Menyenaraikan artikel mudah.
	5.3.1 Mengenal pasti artikel mudah.	2	Menentukan artikel mudah.
	5.3.2 Memilih artikel mudah.	3	Menunjuk cara membuat artikel mudah.
	5.3.3 Menghasilkan artikel mudah.	4	Menunjuk cara membuat hiasan dan kemasan pada artikel mudah.
	5.3.4 Membuat hiasan dan kemasan pada artikel mudah.	5	Mempraktikkan cara membuat hiasan dan kemasan pada artikel mudah dengan kemas dan selamat.
		6	Mencipta artikel mudah menggunakan idea sendiri.

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	<b>STANDARD PRESTASI</b>	
		<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
5.4 Projek jualan hasil jahitan	<p>Murid berupaya :</p> <p>5.4.1 Membuat pengiraan kos bahan jualan.</p> <p>5.4.2 Melabel bahan jualan.</p> <p>5.4.3 Memasarkan bahan jualan.</p>	1	Menyenaraikan kos bahan.
		2	Merekodkan kos bahan jualan.
		3	Mengira kos dan melebel bahan jualan.
		4	Mempraktikkan cara memasarkan bahan jualan.
		5	Memberi cadangan cara memasarkan bahan jualan
		6	Merancang cara memasarkan bahan jualan dengan rakan-rakan





**PANEL PENGGUBAL**

1.	Salehah binti Abd. Rahman	Bahagian Pembangunan Kurikulum
2.	Abd. Rasid bin Hj Jali	Bahagian Pembangunan Kurikulum
3.	Haris bin Yusof	Bahagian Pembangunan Kurikulum
4.	Wan Maziani binti Wan Muhamad	Bahagian Pembangunan Kurikulum
5.	Tang Yek Ngo	Bahagian Pembangunan Kurikulum
6.	Fatimah Sham binti. Taib	SMK Mak Mandin, Seberang Prai, Pulau Pinang
7.	Norhafizah binti Abu Samah	SMK Felda Bersout, Batang Padang, Perak
8.	Siti Aida binti Seman	SMK Yaacob Latif, Cheras, Kuala Lumpur
9.	Hanisah binti Chik	SMK Ampang Pecah, Kuala Kubu Baharu, Selangor
10	Norhayati binti Razali	SMK Puchong Permai, Puchong Utama, Selangor
11.	Noridah binti Osman	SMK Seksyen 19, Shah Alam Selangor
12.	Suliza binti Mohd Yusak	SMK Batu Unjur, Klang, Selangor
13.	Wan Azlina binti Wan Othman	SK Dato' Kelana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan
14.	Siti Nafisah binti Saleman	SMK Taman Sutera, Johor Bharu, Johor

15. Siti Zakiah binti Md Khairi

SMK Taman Sutera, Johor Bharu, Johor

**TURUT MENYUMBANG**

- |                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| 1. Mohd Zaini bin Miskon          | Bahagian Pendidikan Khas                            |
| 2. Parawes bin Abdullah           | Bahagian Pendidikan Khas                            |
| 3. Suyuti bin Mohammad            | Bahagian Pendidikan Khas                            |
| 4. Azizi bin Abd Rahman           | IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sg. Petani,<br>Kedah |
| 5. Kamarul Bahrin bin Mohd Radzi  | IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak                        |
| 6. Dr. Mohd Anuar bin Abdullah    | IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak                        |
| 7. Suzita binti A. Baki           | IPG Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur          |
| 8. Norhayati binti Jupri          | SMK Seri Bedena, Sungai Besar, Selangor             |
| 9. Wan Maziah binti Wan Muhamad   | SMK Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang, Selangor        |
| 10. Norlila Hayati binti Mustafa  | SK Seksyen 20, Shah Alam, Selangor                  |
| 11. Tuan Mazlinaida binti Muhamad | SK Bandar Rinching, Semenyih, Selangor              |

## PENGHARGAAN

### Penasihat

Dr. Sariah binti Abd. Jalil	-	Pengarah
En. Shamsuri bin Sujak	-	Timbalan Pengarah
Datin Dr. Ng Soo Boon	-	Timbalan Pengarah

### Penasihat Editorial

Dr. A'azmi bin Shahri	-	Ketua Sektor
En. Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	-	Ketua Sektor
Tn. Haji Naza Idris bin Saadon	-	Ketua Sektor
Pn. Zaidah binti Mohd. Yusof	-	Ketua Sektor
En. Mohd Faudzan bin Hamzah	-	Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	-	Ketua Sektor
En. Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	-	Ketua Sektor





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://bpk.moe.gov.my/>